

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 12 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah hasil dapatan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi mengkaji modul baru untuk pelaksanaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Atas keprihatinan kerajaan untuk mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh peminjam PTPTN di samping memastikan kelestarian kewangan Tabung Pendidikan PTPTN, satu pasukan Panel Penasihat Khas yang terdiri daripada pakar-pakar berpengalaman daripada industri berkaitan telah dilantik untuk melaksanakan Konsultasi Rakyat, seterusnya menyelaras dan menyediakan laporan berdasarkan cadangan-cadangan yang diterima.

Bagi mendapatkan maklum balas berhubung perkara ini daripada pihak-pihak berkepentingan, Konsultasi Rakyat telah dilaksanakan bermula 16 Mei hingga 13 Jun 2019. Antara dapatan daripada Konsultasi Rakyat tersebut adalah:

- i. Penangguhan bayaran balik diberikan kepada peminjam yang berpendapatan kurang daripada jumlah pendapatan bulanan tertentu yang ditetapkan oleh PTPTN;
- ii. Kaedah bayaran balik sedia ada digantikan dengan Skim Bayaran Balik Berasaskan Pendapatan atau *Income Based Repayment (IBR)* untuk peminjam baharu;
- iii. Pelaksanaan bayaran balik melalui kaedah potongan gaji secara mandatori;
- iv. Penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap peminjam ingkar;
- v. Pelaksanaan Sistem Penjamin;
- vi. Pemansuhan Dasar Pengecualian Bayaran Balik Bagi Graduan Kelas Pertama atau digantikan dengan Pengecualian Separa; dan

NO. SOALAN : 15

- vii. Pengurangan jumlah pinjaman dan secara beransur-ansur menamatkan pinjaman kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) serta kursus-kursus yang berprestasi rendah.

Setelah mengambil kira dapatan daripada Konsultasi Rakyat tersebut, Panel Penasihat Khas telah menasihati dan mengesyorkan Lembaga Pengurusan PTPTN mengenai penambahbaikan mekanisme bayaran balik pinjaman yang seterusnya dibentangkan sebagai Cadangan Mekanisme Baharu Bayaran Balik Pinjaman kepada Kerajaan.

Mengambil kira situasi ekonomi serta kedudukan kewangan semasa, Kerajaan berpandangan bahawa pelaksanaan cadangan Mekanisme Baharu Bayaran Balik Pinjaman PTPTN belum sesuai untuk dilaksanakan dengan mengambil kira jumlah bayaran balik berbanding jumlah pinjaman yang masih belum berbayar.

Kaedah Potongan Gaji Berjadual (PGB) mengikut kadar ansuran bulanan sedia ada dikenal pasti sebagai kaedah lebih sesuai untuk dilaksanakan bagi memastikan proses kutipan bayaran balik PTPTN yang lebih mudah dan efisien. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa mengenal pasti pendekatan terbaik bagi bayaran balik pinjaman yang tidak membebbankan peminjam dan dalam masa yang sama kepentingan PTPTN terpelihara.

Sekian, terima kasih.